Program sehari ini bermula dari 9.00 pagi hingga 2.00 petang dan dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti ilmiah termasuklah mengadakan lawatan ke beberapa fasiliti yang terdapat di UMK Jeli seperti kebun sayuran/herba, perpustakaan, muzium sains, makmal bahan, makmal geosains dan makmal analisa makanan haiwan. Para pelajar turut diberi peluang untuk melibatkan diri dalam projek sains berkumpulan bersama para pensyarah FBKT. Antara projek sains yang telah dijalankan adalah seperti projek kitar semula kertas, model simulasi letusan gunung berapi, proses penghasilan sabun, ujikaji prinsip ketumpatan cecair, proses pengaratan, proses perubahan geseran dan sebagainya. Melalui aktiviti-aktiviti menarik yang telah dijalankan sepanjang program ini, ia telah dapat mencetus minat para peserta yang hadir terhadap ilmu sains dan teknologi. Pihak FBKT telah bersepakat untuk meneruskan lagi program Prof@School pada masa akan datang berikutnya respon yang menggalakkan daripada guru sekolah dan para pelajar.



Pelajar dan para pensyarah yang terlibat dalam program Prof@School siri 2

Prof@School Siri 3

Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) dengan kerjasama American Corner, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menganjurkan Bengkel Robotik Program Cakna STEM-Prof@School pada 19 November 2018 (Isnin) bermula 8.00 pagi - 4.00 petang di Dewan Utama, UMK Kampus Jeli. Seramai 43 orang pelajar bersama 12 orang guru pengiring daripada beberapa buah sekolah menengah terpilih iaitu MRSM Jeli, SM Sains Jeli, SMK Agama Wataniah, SMK Tanah Merah 2, SMK Kuala Krai, SMK Sultan Yahya Petra 2 dan SMK Kemahang telah menyertai program ini. Bengkel ini dimulakan dengan sesi pengenalan dan asas robotik di mana para pelajar didedahkan dengan kaedah programming mudah dan menyeronokkan. Pada sebelah petang, pertandingan robotik mini telah diadakan dengan pelajar-pelajar cuba menyelesaikan cabaran yang diberikan di mana robot yang dibina pelajar perlu bergerak dalam litar yang telah disediakan. Pelajar dari setiap sekolah dipecahkan kumpulan yang terdiri daripada 2 orang. Kumpulan 12 daripada MRSM Jeli berjaya mendapat tempat ketiga manakala kumpulan 18 daripada SMK Tanah Merah 2 berjaya mendapat tempat kedua. Johan pertandingan robotik mini ini berjaya digondol oleh kumpulan 17 daripada SMK Tanah Merah 2.



Pelajar dan para pensyarah yang terlibat dalam program Prof@School siri 2



PERUNDINGAN UNTUK KOMUNITI

Public-Private Research Network (PPRN) atau Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta merupakan satu inisiatif inovatif Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menggalakkan program inovasi yang berasaskan permintaan dalam memacu peningkatan produktiviti serta mengukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia. Misi utama program ini adalah bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh industri melalui penyebaran ilmu yang dimiliki oleh pihak universiti awam kepada pihak industri/perusahaan yang memerlukan ilmu tersebut.

Objektif utama program ini adalah:

- Menggalakkan penyertaan ahli akademik untuk melaksanakan penyelidikan berdasarkan permintaan (demand driven);
- Meningkatkan produktiviti Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (PKS) dan industri melalui adaptasi state-of-the-art atau teknologi yang bersesuaian; dan
- Memperkasa hubungan jaringan awam swasta melalui penyelidikan inovasi daripada IPT kepada pengusaha PKS dan industry

Universiti Malaysia Kelantan amat menggalakkan para pensyarah menyertai penyelidikan berasaskan permintaan ini. Sepanjang tahun 2018, FBKT telah berjaya memperolehi 5 geran iaitu:

BIL	NAMA STAF	TAJUK CERAMAH	TARIKH	TARIKH
Tisc-tech for Banana Seedlings	<ul style="list-style-type: none">• Prof. Madya Dr. Julie Juliewatty Mohamed (Ketua)• Prof Suhaimi Osman• Wong Kah Fei• Khairul Nizar Syazwan Wan Salihin Wong• Khairil Fadzli bin Abu Bakar• Mazlan Mohamed	Emas Impresif Sdn. Bhd	RM27000	Tamat
Biodegradable water-based degresser	<ul style="list-style-type: none">• Dr. Zubaidah Aimi Binti Abdul Hamid (Ketua)• Prof. Madya Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed• Encik Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong• En. Khairil Fadzli Bin Abu Bakar• En. Mazlan Mohamed	Euro-circuit Technology Sdn. Bhd	RM45000	Tamat
Sublimation Heat Transfer Technology	<ul style="list-style-type: none">• Dr Mohamad Najmi Masri (Ketua)	Azrain Collection & Trading	RM43000	Aktif
Automated Machine for Compost Mixing, Bag Filling and Capping for Mushroom Production	<ul style="list-style-type: none">• Dr. Hasyiya Karimah Binti Adli (Ketua)• Prof. Madya Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed• Dr. An'amt Bin Mohamed Noor• Encik Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong	Segar Agro Farm	RM 40 000	Aktif
Portable "Roti John" Multitasking Machine	<ul style="list-style-type: none">• Encik Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong (Ketua)• PM Dr Ir. Julie Juliewatty Mohamed• Encik Mohd Sukhairi Bin Mat Rasat• Dr. Mohd Bashree Abu Bakar	A Ifiith Enterprise	RM 40 000	Aktif

Tisc-tech for Banana Seedlings


Tisc Tech. Medium merupakan satu teknik penanaman yang telah diperkenalkan oleh pihak UMK melalui Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi kampus Jeli. Teknik ini telah diperkenalkan dalam menangani kadar kematian yang tinggi semasa dalam pemindahan dari kultur tisu ke tempat semaian, iaitu sebelum diletakkan ke dalam poli beg. Teknik tanaman Tisc Tech mempunyai formulasi medium tanaman yang tersendiri, dan teknik penempatan anak benih yang lebih mesra pokok (tidak terlalu sempit) iaitu dengan jarak 10 cm x 10 cm telah diperkenalkan. Sepanjang projek, sebanyak 4 percubaan telah dilakukan. Untuk setiap percubaan, 100 anak benih ditempatkan mengikut formulasi Tisc Tech. Keputusan menunjukkan hanya 5% anak pokok mati dan ini menunjukkan kaedah Tisc Tech lebih efisien berbanding kaedah asal yang diamalkan oleh pihak industri.



Perbandingan antara anak benih yang menggunakan teknik asal dan teknik Tisc Tech (kiri) dan anak benih sebanyak 100 pokok ditempatkan mengikut formulasi Tisc Tech (kanan)

Biodegradable Water-Based Degresser

Buih merupakan satu bahan yang terbentuk dalam proses pembersihan. Penghasilan buih yang tidak terkawal boleh menyebabkan pelbagai masalah dan merosakkan peralatan pembersihan terutamanya apabila ia digunakan dalam pembersihan tangki oil dan gas. Selain itu ia juga meningkatkan kos pembersihan akibat dari penggunaan air yang tinggi sewaktu proses pembilasan tangki. Antibuih dari minyak silikon sangat berkesan bagi mengurangkan buih yang dihasilkan. Ia merupakan bahan yang tahan lasak dan sesuai di gunakan di dalam proses pembersihan bagi industry. Polydimethylsiloxane (PDMS) digunakan sebagai bahan asas dalam penghasilan antibuih. Walaubagaimanapun penggunaan PDMS bersendirian sebagai bahan utama memberikan hasil yang kurang efisien. Oleh itu, mengubahsuai rumusan adalah perlu untuk meningkatkan prestasi antibuih yang dihasilkan. Dalam kajian ini, kami mencadangkan cara mudah dan tidak berbahaya dalam pengubahsuaian PDMS. Pihak FBKT, UMK kampus Jeli telah memperkenalkan 4 formulasi yang berasaskan silica dan emulsi bukan ionic (non-ionic emulsifier) dalam formulasi yang hasilkan. Formulasi yang dihasilkan perlulah memenuhi kehendak pelanggan iaitu kurang berbahaya, stabil dan mudah dihasilkan. Di akhir projek ini pihak FBKT telah berjaya menghasilkan formulasi yang efisien serta memenuhi kehendak pelanggan.



(a) Formulasi yang telah berjaya dihasilkan (b) Perbandingan di antara bahan pembersih yang belum diletakkan antibuih dan selepas diletakkan antibuih.



Sublimation Heat Transfer Technology

Sublimation Heat Transfer Technology merupakan teknologi pemindahan haba sublimasi pada kain terutama pada bahan poliester jersey. Melalui geran penyelidikan PPRN yang bernilai RM 43 000, syarikat Azrain Collection & Trading memohon penyelesaian masalah bagi menyediakan mesin pencetak pemindahan haba sublimasi baru yang mampu menampung permintaan pelanggan serta boleh mencetak pada saiz 60", menjimatkan masa serta mengurangkan kos pencetakan dan mampu memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, pihak penyelidik yang di ketuai oleh Dr Mohamad Najmi Masri, telah mencadang penghasilan mesin pencetak baru yang akan direka dan difabrikasi oleh pihak penyelidik FBKT. Mesin baru yang dicadangkan mampu menampung saiz serta permintaan pelanggan yang tinggi serta boleh mengurangkan kos pemotongan bahan mentah sewaktu operasi.

Portable "Roti John" Multitasking Machine

Portable "Roti John" Multitasking Machine, merupakan satu cadangan penyelesaian masalah yang telah di usulkan oleh pihak penyelidik FBKT bagi menyelesaikan masalah syarikat dalam membentuk doh roti john dalam kapasiti yang besar. Pihak penyelidik yang diketuai oleh Encik Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong telah mencadangkan penghasilan pelan mesin dan rekabentuk mesin automatik membentuk doh "Roti John" yang mampu memenuhi kapasiti yang diperlukan, cepat dan cekap.

Automated Machine for Compost Mixing, Bag Filling and Capping for Mushroom Production

Syarikat Segar Agro Farm mempunyai permasalahan dalam menampung proses pencampuran kompos, mengisi dan menutup kompos asas dalam penanaman cendawan. Syarikat telah memohon mesin automatic untuk memenuhi permintaan berikut. Pihak penyelidik FBKT telah mencadangkan reka bentuk mesin pembungkusan automatik penuh. Teknologi yang dicadangkan dijangka hanya akan mengambil masa 2 saat (sebelumnya 60 saat) setiap cap semasa tutup, dan tiada buruh diperlukan semasa proses itu, yang biasanya melibatkan 2 orang.





HAL EHWAL PELAJAR



HAL EHWAL PELAJAR

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI FBKT

FBKT sentiasa meletakkan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) sebagai agenda utama yang perlu diberi perhatian yang serius. Ini dapat dilihat daripada usaha berterusan pihak FBKT yang cuba mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan mampu mendidik pelajar untuk lebih berdaya saing. Aktiviti pembelajaran di bilik kuliah yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar (student centered learning) dimana aktiviti pembelajaran lebih berpusatkan pelajar dan ditambah dengan aplikasi Web 2.0 menjadikan aktiviti P&P lebih menarik dan efisien.



Aktiviti perbincangan di dalam kelas



Pembentangan pelajar


Aktiviti makmal juga mendedahkan pelajar tentang pembelajaran secara praktikal. Pelajar diberi peluang untuk menjalankan eksperimen, merekod data dan membincangkan hasil dapatan eksperimen sebagai latihan untuk mempertingkatkan kemahiran psikomotor. Melalui aktiviti makmal yang dijalankan jelas, dapat dilihat kesungguhan, keterujaan dan keterlibatan para pelajar dalam menyelesaikan tugas makmal yang diberikan.



Aktiviti pembelajaran dalam makmal.



Diskusi dalam kalangan pelajar



Diskusi dalam kalangan pelajar

PEMBENTANGAN CADANGAN PROJEK PENYELIDIKAN AKHIR

Pada 29 April – 3 Mei 2018, Fakulti Biokejuruteraan & Teknologi telah mengadakan pembentangan kertas cadangan projek penyelidikan akhir bagi pelajar tahun 3. Pembentangan cadangan projek penyelidikan akhir telah melibatkan 145 orang pelajar dan sekurang-kurangnya 30 orang pensyarah. Semua pelajar yang terlibat terdiri daripada program Teknologi Sumber Hutan (SEH), Teknologi Bioindustri (SBT) dan Teknologi Bahan (SEB). Melalui pembentangan ini sesi perbincangan dua hala diantara pelajar dan pensyarah telah diadakan untuk penambahbaikan projek penyelidikan. Penilai yang dilantik bagi setiap projek penyelidikan terdiri daripada pensyarah yang berkepakaran dalam bidang-bidang yang terlibat. Melalui pembentangan ini pelajar tahun akhir dapat membaiki dan menambahbaik cadangan penyelidikan yang telah diusulkan.



Sesi pertembangan kertas cadangan sedang berlangsung



Pelajar selesai membentangkan kertas cadangan masing-masing

KOLOKIUM LATIHAN INDUSTRI 2018

Kolokium Latihan Industri (LI) ini merupakan kolokium kali pertama dianjurkan oleh FBKT untuk pelajar tahun akhir. Pelajar telah membentangkan tugas dan pengalaman kerja mereka sepanjang menjalani latihan praktikal di industri. Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar untuk menonjolkan kemahiran komunikasi berkesan melalui pembentangan yang dilakukan. Kolokium LI ini telah dijalankan pada 1 Julai 2018 melibatkan seramai 187 pelajar daripada program Teknologi Bioindustri (SBT), Teknologi Bahan (SEB) dan Teknologi Hutan (SEH). Pembentangan LI telah diadakan dari jam 8-2 petang secara serentak di bilik kuliah yang berasingan, seterusnya diakhiri dengan majlis penyampaian sijil bagi pembentang terbaik (12 orang) dan sijil Anugerah Dekan bagi pelajar tahun akhir.



Gambar majlis penutup Kolokium Latihan Industri 2018



Penyampaian sijil pembentang terbaik oleh Timbalan Dekan Akademik & Pembangunan Pelajar



LAPORAN PROGRAM INTERVENSI 1

Program ini dianjurkan oleh FBKT untuk pelajar terpilih yang terdiri daripada pelajar lemah dan sederhana dalam integrasi purata nilai gred terkumpul (iCGPA). iCGPA dinilai berdasarkan lapan elemen hasil pembelajaran program (PLO) iaitu PLO1 = pengetahuan, PLO2 = kemahiran praktikal, PLO3 = kemahiran dan tanggungjawab sosial, PLO4 = nilai, sikap, profesionalisme, PLO5 = kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, PLO6 = kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik, PLO7 = kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat dan PLO8 = kemahiran mengurus dan keusahawanan.

Program ini melibatkan seramai 43 orang peserta daripada program Teknologi Bioindustri (SBT), Teknologi Bahan (SEB) dan Teknologi Sumber Hutan (SEH). Program ini telah diadakan pada 13-15 Mei 2018 di Min House Camp, Kota Bharu, selama 3 hari 2 malam. Aktiviti yang telah dijalankan adalah berkONSEPkan outdoor dan indoor untuk melatih dan mengasah kemahiran pelajar ke arah lebih holistik. Melalui program ini pelajar dapat memahami amanah serta tanggungjawab mereka sebagai pembangun masa depan negara.



Aktiviti Riadah Petang



Tapak khemah bagi peserta Program Intervensi I



Pelajar menyertai aktiviti membina keyakinan diri



Pelajar menyertai aktiviti muhasabah diri

BENGKEL “MOVE TOWARDS MPP”

Pada 11 dan 12 Julai, satu bengkel Move Towards MPP telah diadakan di FBKT. Bengkel ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Program Pemerksaan dengan kerjasama barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMK Kampus Jeli sesi 2017/2018 dan staf sokongan UMK. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Noor Azlina Binti Ibrahim (Timbalan Dekan Akademik FBKT) dan melibatkan 30 orang pelajar Tahun 1 dan 2 daripada semua program akademik FBKT. Pelajar yang terpilih mengikuti bengkel ini adalah mahasiswa cemerlang dan berpotensi untuk menjadi ahli MPP UMK pada masa hadapan.

Bengkel ini melibatkan perkongsian pengalaman menjadi ahli tertinggi MPP daripada En. Muhammad Amiruddin Bin Wahab (Bekas Timbalan Yang Dipertua MPP UMK 2015/2016) yang merupakan bekas graduan Ijazah Sarjana Muda (Sains Penternakan). Selain itu, pihak fakulti juga telah menjemput En. Ahmad Naqiuuddin Bin Mohamad, graduan Ijazah Sarjana Muda (Perakaunan) UiTM merangkap Bekas Yang Dipertua MPP UiTM 2015/2016 untuk berkongsi pengalaman dan kepentingan kepimpinan selepas bergraduasi. Bersesuaian dengan objektif bengkel untuk membentuk dan menyerlahkan sifat kepimpinan yang kukuh dalam diri para pelajar, pelbagai aktiviti telah diatur bagi mencapai objektif tersebut, di antaranya adalah aktiviti peningkatan adab, sahsiah dan kepimpinan serta pencungkilan potensi diri.

Hasil daripada bengkel ini, pihak FBKT berharap ia dapat memberi impak yang tinggi kepada pelajar dalam membina dan mengukuhkan kemahiran insaniah seperti bakat kepimpinan yang tinggi, semangat berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, mengurus aktiviti dan menjadi pembelajaran sepanjang hayat.



Slot persidangan (Debat Nasional)



Sesi pengucapan awam oleh peserta



Sesi bergambar bersama YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Bin Abdul Aziz (Dekan FBKT), Prof. Madya Dr. Noor Azlina Binti Ibrahim (Timbalan Dekan Akademik FBKT), barisan pensyarah, ahli majlis perwakilan pelajar UMK sesi 2017/2018 bersama sebilangan peserta



Program Intervensi II

Program Intervensi II telah diadakan pada 22 – 24 November 2018) di D'Wasin Campsite & Village, Grik. Program ini bertujuan untuk membina dan mengukuhkan kemahiran insaniah seperti semangat berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, bakat kepimpinan, mengasah cara pelajar berkomunikasi, kemahiran mengurus aktiviti dan menjadi pembelajaran sepanjang hayat untuk para peserta. Seramai 30 peserta telah dipilih dari program SBT, SEB dan SEH bagi megikuti program ini. Program ini merupakan kerjasama di antara Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi dengan Unit Pengurusan Hal Ehwal Pelajar, dan telah dihadiri oleh 14 orang pensyarah yang berperanan sebagai fasilitator kepada peserta. 30 orang peserta-peserta tersebut telah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil agar mesej-mesej program ini lebih mudah dan jelas untuk disampaikan kepada pelajar.



Bergambar kenangan sebelum pulang ke UMK



Pensyarah FBKT sebagai fasilitator



Sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan dekan akademik FBKT

Minggu Mesra Mahasiswa (3M) Sesi 2018/20

Kemasukan pelajar baharu sesi 2018/2019 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bermula pada 02 September 2019, seramai 85 orang pelajar telah mendaftar masuk sebagai mahasiswa di FBKT. Minggu Mesra Mahasiswa (3M) secara umumnya diadakan pada setiap minggu pertama kemasukan pelajar baru ke UMK, dan kali ini bermula pada 02 hingga 06 September 2018. Pelbagai aktiviti yang bersesuaian telah diaturkan kepada pelajar baharu bagi membantu mereka dalam menyesuaikan diri di UMK, Kampus Jeli khususnya. Taklimat program 3M bermula pada jam 5.00 petang pada hari pertama seusai segala pendaftaran pelajar termasuk kolej kediaman. Pelajar turut didedahkan dengan pelbagai informasi penting antaranya taklimat akademik oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa, Ybhg. Prof. Dr. Mohd Rafi Bin Yaacob, taklimat hal ehwal pelajar & alumni oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Ybhg. Prof. Dr. Zaliman Sauli dan majlis amanat oleh Naib Canselor Ybhg. Prof Dato' Dr. Husaini Omar. Minggu 3M turut menganjurkan beberapa program khas untuk merapatkan ukhwah antara pelajar. Antara program khas adalah Makan Malam 3M yang telah diadakan pada malam terakhir Minggu Mesra Mahasiswa supaya pelajar dapat berkenalan sesama mereka serta mengiktiraf sumbangan awal ahli jawtankuasa dan fasilitator pada peringkat awal 3M. Perlaksanaan 3M ini dapat memantapkan dan memotivasi pelajar baharu untuk menyesuaikan diri dengan sistem P&P dan kehidupan baharu di UMK Kampus Jeli.



Aktiviti merehatkan minda



Pelajar menyanyikan lagu UMK



Aktiviti mengenali kampus UMK Jeli



Green Forest Camp 4.0 – Program Jati Diri Pelajar Tahun 1 Dan 2 Program Teknologi Sumber Hutan

Green Forest Camp merupakan satu program yang dianjurkan khas untuk pelajar baharu Program Teknologi Sumber Hutan sebagai pendedahan awal dalam menarik minat dan mengenali program dengan lebih dekat. Program ini telah dijalankan pada 13 hingga 15 November 2018 melibatkan 24 orang peserta yang terdiri daripada pelajar tahun 1 dan 2 serta 16 orang fasilitator daripada pelajar tahun 3 Program Teknologi Sumber Hutan. Program ini adalah salah satu inisiatif awal untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar Tahun 1 & 2 kepadा asas perhutanan bersesuaian dengan matlamat program Teknologi Sumber Hutan disamping membina jati diri dan mengukuhkan hubungan silaturrahim sesama pelajar. Program ini juga memberi pendedahan kepada peserta mengenai subjek teras yang bakal dipelajari seperti Dendrologi, Silvikultur dan Pengenalan Sains Hutan yang sesuai dipelajari di Kela Adventure Camp, Raub, Pahang. Kem ini turut menawarkan khidmat renjer hutan yang berpengalaman untuk membantu pelajar sepanjang program dijalankan . Berdasarkan kajian terhadap impak pelaksanaan Program Green Forest Camp yang terdahulu, aktiviti yang telah dirancang sepanjang kem kali ini telah berjaya menarik minat para pelajar baharu dalam mendalami mata pelajaran yang telah dikreditkan oleh jurusan Teknologi Sumber Hutan secara lebih terperinci.



Aktiviti jungle tracking



Aktiviti membina produk berdasarkan sumber hutan



Peserta Green Forest Camp yang terdiri daripada pelajar program Teknologi Sumber Hutan

Hari Keluarga Program Teknologi Bioindustri (SBT)

Program Hari Keluarga bagi Teknologi Bioindustri (SBT) telah diadakan pada 12 Oktober 2018. Menerusi penganjuran Hari Keluarga tersebut, pelajar-pelajar Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 dan Tahun 4 berpeluang mengenali antara satu sama lain dan seterusnya mengeratkan hubungan sesama sendiri. Selain itu, pelajar-pelajar turut berpeluang untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman bersama-sama pelajar senior berkaitan dengan aspek akademik dalam program SBT.



Gambar kenang-kenangan 'Family Day'

Penglibatan Pelajar FBKT dalam Kelab Dan Persatuan UMk Kampus Jeli

Pelajar FBKT bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi mereka turut aktif dalam aktiviti kelab dan persatuan. Terdapat pelbagai kelab dan persatuan yang aktif di UMKKJ dan disertai oleh pelajar FBKT. Antaranya ialah Kelab Explorimba, Kelab Debat Bahasa Melayu, English Debate Club, Kelab SEED, Kelab Jawatankuasa Teman dan Mandarin Society Club. Melalui penglibatan dalam kelab dan persatuan, pelajar berpeluang untuk berinteraksi dengan masyarakat sekeliling yang dapat membantu mereka untuk memperkuuhkan kemahiran insaniah (soft skills) yang akan menjadi nilai tambahan kepada pelajar apabila meneroka ke alam kerjaya kelak.



Aktiviti Forest Run di sekitar Kampus Jeli



International Speak Debate



Penglibatan pelajar FBKT dalam Aktiviti cyclothon 2.0 – riadah untuk anak usrah



International Speak's Ambassador 2018



Seminar Tahun 1 FBKT

Program seminar ini telah diadakan pada 26 September dan 11 Oktober 2018 di Dewan Serbaguna, Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli. Seminar ini dianjurkan oleh Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi untuk kesemua pelajar Tahun 1 fakulti yang terdiri daripada program Teknologi Bioindustri (SBT), Teknologi Bahan (SEB) dan Teknologi Sumber Hutan (SHE). Ahli Jawatankuasa Pelaksana adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah FBKT dan beberapa bekas peserta MOVE TOWARDS MPP turut terpilih sebagai fasilitator untuk menjayakan program seminar ini.

Seminar ini telah diadakan pada hari yang berlainan di mana setiap sesi berfokuskan modul-modul yang berlainan. Antara modul-modul yang diliputi dalam seminar ini adalah seperti berikut:

- Study Skill (Tips dan Praktikal)
- Finding/Reading Literature
- Tips to polish English
- Mental dan emosi sejahtera bersama Doktor Pakar Perubatan
- Behavioral aspect in campus
- A better muslim in campus
- Lets Shine in Jeli

Di samping itu, satu modul tambahan yang bertajuk, "Panduan Hidup di Jeli" juga telah dibukukan oleh AJK Pelaksana dan diedarkan kepada semua pelajar. Modul ini diharapkan dapat membantu pelajar untuk menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan di Kampus Jeli dan juga persekitarannya. Seminar ini telah menggunakan pendekatan secara perkongsian forum, ceramah, kaunseling dan aktiviti-aktiviti ilmiah (latihan dalam kumpulan) untuk menyampaikan mesej-mesej modul tersebut kepada para pelajar.

Secara keseluruhannya, seminar ini dilihat sebagai satu usaha fakulti untuk memberi impak dari segi persediaan akademik dan mental kepada para pelajar baharu bagi menghadapi sesi pembelajaran selama 4 tahun di FBKT. Pelajar turut berpeluang bertukar pandangan dan pengalaman sesama mereka yang rata-rata berasal dari negeri-negeri yang berlainan dengan kepelbagaiannya adat dan budaya.



Sesi Bergambar Pengarah program bersama para peserta Seminar Tahun 1 diakhiri majlis selesai.




Sesi perkongsian maklumat mengenai pengumpulan kajian pustaka bersama



Penganugerahan kepada beberapa pelajar yang aktif dan turut serta dalam sesi berkumpulan



Sesi perkongsian bersama Cik Nur Aida Binti Elias Pegawai Psikologi UMK Kampus Jeli yang membawa tajuk Adab dan Etiket



Sesi perkongsian bersama Dr. Mohammad Bin Sayed Sahul Hamid Gani Pegawai Perubatan HRPZ, SarjanaTahun 2, Master of Internal Medicine. Tajuk perkongsian: Gaya Hidup Sihat di kampus.

Modul yang dihasilkan oleh para pensyarah selaku AJK dan Editor bagi memudahkan para peserta memahami dengan lebih jelas setiap satu sesi yang dijalankan.



PEMBANGUNAN DAN PENERAPAN BUDAYA KEUSAHAWANAN

PEMBANGUNAN DAN PENERAPAN BUDAYA KEUSAHAWANAN

UMK merupakan sebuah universiti yang menekankan bidang keusahawanan kepada para mahasiswa dengan membawa slogan "Keusahawanan teras kami". Pada masa sama UMK berhasrat mewujudkan sistem pendidikan yang dapat melahirkan graduan berciri keusahawanan bagi menyokong salah satu inti pati dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 iaitu memupuk minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi. Tambahan lagi, universiti yang bercirikan keusahawanan adalah relevan dalam mendepani cabaran Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) kerana era ini memerlukan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan.

Sejajar dengan perkembangan semasa dan teras universiti, FBKT dilihat mampu mewujudkan graduan yang holistik melalui penerapan budaya keusahawanan bagi memenuhi keperluan industri seterusnya mewujudkan kebolehpasaran graduan yang dihasilkan. Mahasiswa perlu berfikiran terbuka dan mengubah paradigma bahawa bidang yang dipelajari bukan sahaja mampu memenuhi pasaran pekerjaan semasa tetapi boleh membuka peluang kepada mereka untuk menjadi usahawan khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Oleh itu, penerapan budaya dikalangan mahasiswa dan juga warga FBKT boleh diwujudkan dengan aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dijalankan. Peluang keemasan ini boleh dijadikan sebagai medium perbincangan, pertukaran kemahiran dan mendapatkan maklumat secara langsung di antara mahasiswa dan warga FBKT dengan wakil industri.

AKTIVITI-AKTIVITI KEUSAHAWAN

Program Ceramah Industri Keusahawanan Korporat

Program ceramah industri ini telah diadakan pada 22 Oktober 2018 bertempat di Bilik Banquet (BK5) UMK Kampus Jeli yang telah dihadiri seramai 39 mahasiswa Tahun 2. Penceramah jemputan ialah En. Afzanizan Bin Arif yang memegang jawatan sebagai Pegawai Eksekutif Operasi di Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan gambaran kepada mahasiswa mengenai budaya keusahawanan dalam perniagaan serta membincangkan peluang perniagaan bagi pelajar sains dan cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan budaya keusahawanan dalam sesbuah syarikat yang bersifat korporat. Perkongsian daripada pihak industri secara tidak langsung menjadi satu platform pembelajaran sepanjang hayat dengan memberi kesedaran dan persediaan kepada mahasiswa tentang kepentingan mempunyai sifat-sifat keusahawanan bagi menempuh cabaran dalam alam pekerjaan yang sebenar pada masa hadapan.



En. Afzanizan sedang menyampaikan perkongsian pengalamannya dengan mahasiswa UMK



Mahasiswa yang hadir tekun mendengar perkongsian pengalaman dengan En. Afzanizan



Sesi bergambar antara mahasiswa, penceramah jemputan dan ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan ceramah industri ini

Bengkel Business Model Canvas (BMC) dan Pitching Fbkt 2018

Bengkel Business Model Canvas (BMC) dan Pitching FBKT 2018 telah diadakan pada 23 Oktober 2018 bertempat di Bilik Banquet (BK5) UMK Kampus Jeli. Bengkel ini telah dihadiri oleh 20 orang mahasiswa di UMK yang terdiri daripada pelbagai fakulti dan program.

Bengkel ini dilihat mampu menjadi langkah awal bagi mahasiswa di UMK yang berminat untuk memulakan dan menjalankan syarikat pelajar di UMK. Tentatif yang telah dirancang juga adalah bersesuaian dengan objektif bengkel bagi membentuk dan membina kemahiran insaniah terutamanya kemahiran keusahawanan dalam diri mahasiswa, di samping melatih mereka menjadi graduan yang berdaya saing di masa hadapan. Aktiviti yang telah dijalankan seperti latihan dalam kumpulan dan pertandingan Pitching BMC dapat memupuk nilai sahsiah serta mencungkil potensi diri seperti kepimpinan dan keyakinan diri dalam kehidupan mahasiswa UMK.

Selain itu, bengkel ini melibatkan semua pensyarah keusahawanan di UMK Kampus Jeli sebagai penceramah, fasilitator dan panel penilai bagi pertandingan Pitching BMC. Pensyarah keusahawanan tersebut terdiri daripada Alumni UMK yang telah menghadiri pelbagai latihan berkaitan dengan bidang keusahawanan serta telah diiktiraf sebagai jurulatih bertauliah dari pelbagai agensi dalam negara termasuk luar negara seperti jurulatih e-Usahawan, Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), Global E-commerce Talent (GET) dan Alibaba Global E-commerce Talent.



Fasilitator sedang berbincang dengan peserta semasa sesi latihan dalam kumpulan



Salah satu kumpulan sedang membentangkan rancangan perniagaannya dalam pertandingan Pitching



Salah satu kumpulan yang memenangi pertadingan Pitching



Sesi bergambar antara peserta, ahli jawatankuasa, penceramah dan fasilitator yang terlibat dalam menjayakan Bengkel BMC dan Pitching FBKT 2018

Ekspos Keusahawanan FBKT 2018

Program Ekspos Keusahawanan FBKT 2018 ini merupakan satu program yang telah diadakan bagi memeriahkan sambutan Bulan Keusahawanan Siswa 2018 pada setiap bulan Oktober di semua Universiti Awam di Malaysia. Program ini telah berlangsung selama 3 hari bermula 24 sehingga 26 Oktober 2018 yang dijalankan oleh 89 mahasiswa daripada program SEB, SEH dan SBT bertempat di Dataran UMK Kampus Jeli.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa dengan dunia keusahawanan yang sebenar, mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan mereka serta melahirkan mahasiswa UMK yang bercirikan keusahawanan seperti inovatif, berani mengambil risiko, berdaya saing, proaktif dan berdikari. Sifat-sifat keusahawanan ini dapat diterapkan secara tidak langsung semasa menjalani pelbagai aktiviti perniagaan seperti penjualan makanan dan minuman, pakaian, kraftangan serta penawaran servis yang memberi pendedahan kepada mereka tentang pengurusan perniagaan yang sebenar.



Antara aktiviti yang dijalankan



Student In Enterprise Program (SIEP)

SIEP merupakan kursus wajib bagi semua mahasiswa UMK, termasuklah mahasiswa bagi ketiga-tiga program di bawah FBKT. Program ini memberi pendedahan kepada mahasiswa kepada dunia perniagaan, menambah ilmu pengetahuan berkenaan perniagaan dan memupuk budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa.

Kursus ini mengandungi tiga modul yang perlu dilaksanakan oleh setiap pelajar semasa cuti semester kedua, ketiga dan keempat. Bagi setiap sesi, mahasiswa perlu menjalani latihan selama 10 hari di premis perniagaan yang telah diperakui oleh penasihat akademik pelajar berpandukan modul yang telah ditetapkan. Modul akhir bagi kursus ini memberi pendedahan tentang kaedah yang betul untuk membina dan membentangkan kertas kerja rancangan perniagaan yang baik. Kursus ini dapat memupuk mahasiswa dengan nilai-nilai integriti dalam perniagaan, kemahiran perundingan berdasarkan idea, minat dan kemahiran keusahawanan yang diperolehi sepanjang menjalani latihan SIEP.

Taklimat berkenaan format terbaru bagi kursus SIEP FBKT telah diadakan pada 27 April 2018 di Dewan Kuliah 2, UMK Kampus Jeli bagi semua mahasiswa Tahun 1 (pengambilan September 2017/2018). Penyampaian taklimat dilakukan oleh ketua penyelia kursus SIEP FBKT, Dr. Hasyiya Karimah bersama penyelia bagi setiap program, Dr. Mohamad Bashree Bin Abu Bakar (Teknologi Bahan), Puan Nor Izaida Binti Ibrahim (Teknologi Sumber Hutan) dan Dr. Mardawani Binti Mohamad (Teknologi Bioindustri).

Berikut adalah antara gambar-gambar aktiviti mahasiswa semasa latihan SIEP dilaksanakan pada cuti semester Februari 2018/2019.



NURUL ADILA ABDUL RAZAK
(Program Teknologi Bahan)
Ari Able Engineering & Trading
(Syarikat kimpalan)



ROS ANIS NAJWA BINTI SABERI
(Program Teknologi Sumber Hutan)
Bidin Bin Jasim Sdn Bhd
(Syarikat kayu)



NURSYAHZELIN BINTI NORDIN
(Program Teknologi Bioindustri)
Perniagaan Rohaya & Abu Bakar
(Penghasilan sos makanan, cuka,
kuah rajak dan minuman)



MUHAMMAD FAIZUDDIN BIN ROSLAN
(Program Teknologi Bioindustri)
Z&Z Niaga Sdn Bhd
(Syarikat makanan)



FATHIN WAHIDA BINTI ABU BAKAR
(Program Teknologi Bioindustri)
Secubit Rasa Enterprise
(Pemprosesan belacan)



NUR MAJDINA AQILAH BT
HISAMUDIN (Program Teknologi
Bioindustri)
Jamilah Mansor Enterprise
(Pemprosesan kuah kacang)



WAN NUR AIN SYAFIQAH BINTI WAN
MOHD ZAKI
(Program Teknologi Bioindustri)
Keropok Cap Tenggiri Sdn Bhd
(Pemprosesan makanan)



UPDESHVINDER SINGH BAL A/L
RAVINDER SINGH
(Program Teknologi Bioindustri)
E-Kang Organics
(Kedai runcit barang organik)



NUR AFIRA BINTI BADRUL HISHAM
(Program Teknologi Sumber Hutan)
Unigra Food Processing Asia
Pacific Sdn Bhd
(Pemprosesan makanan)



AQILAH MESSERI
(Program Teknologi Bahan)
Rns Food Resources Sdn.Bhd.
(Pemprosesan makanan)



AINA HAYANI
(Program Teknologi Bioindustri)
Oxichem Resource Sdn. Bhd
(Syarikat pembuatan sabun dan pencuci)



SITI FAZNIYATI FAUZI
(Program Teknologi Bahan)
Wni Fashion
(Syarikat pakaian)



TONG SHI HUI
(Program Teknologi Bioindustri)
Mercury Pharmacy Sdn.Bhd
(Produk farmasi)



NURHAFIEZA MOH AZMI
(Program Teknologi Bahan)
Nil Jaya Enterprise
(Pemprosesan Santan)



PRASARANA

PRASARANA

MAKMAL

FBKT mempunyai 7 buah makmal, 1 makmal gunasama dan 2 buah bengkel yang digunakan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Makmal-makmal ini terletak di bangunan pentadbiran (BSP), bangunan akademik dan pembelajaran (BAP) serta bangunan kompleks penyelidikan. Manakala 2 buah bengkel iaitu Bengkel Penyediaan Sampel (Bengkel Kayu) dan Bengkel Teknologi Bahan terletak di kawasan berhampiran dengan Taman Agro UMK Kampus Jeli. Makmal-makmal dan bengkel-bengkel ini bukan sahaja digunakan oleh pensyarah dalam subjek-subjek yang melibatkan aktiviti laboratori, malah ianya juga digunakan oleh pelajar-pelajar bagi menyiapkan tugas-tugas mahupun projek penyelidikan tahun akhir mereka. Makmal-makmal dan bengkel-bengkel ini direkabentuk untuk mampu menampung bilangan pelajar seramai 60 orang dalam satu masa.

Senarai makmal di FBKT:

- i. Makmal Sains Alam Sekitar
- ii. Makmal Sinar-X
- iii. Makmal Teknologi Mikrob
- iv. Makmal Sains Bahan
- v. Makmal Penyelidikan Alam Sekitar (Makmal gunasama)
- vi. Makmal BAP 1.1
- vii. Makmal BAP 1.2

Senarai bengkel di FBKT:

- i. Bengkel Penyediaan Sampel
- ii. Bengkel Teknologi Bahan

Aset di makmal

Peralatan-peralatan yang disediakan di makmal-makmal secara amnya boleh dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Peralatan yang digunakan untuk persiapan sampel seperti mesin polishing, cutting machine, welding machine dan sebagainya.
- ii. Peralatan yang digunakan untuk tujuan pengujian sifat mekanikal seperti Universal Testing Machine, Charpy Testing Machine dan sebagainya.
- iii. Peralatan yang digunakan untuk tujuan pencirian bahan seperti SEM, XRD, XRF, FTIR dan sebagainya.

Kesemua peralatan-peralatan ini adalah sentiasa sedia untuk digunakan oleh pelajar-pelajar samada dikendalikan sendiri oleh pelajar berkenaan mahupun melalui tempahan dan mesin akan dikendalikan oleh pembantu makmal atau juruteknik mesin yang berkemahiran dengan operasi mesin tersebut. Pelajar-pelajar dibenarkan untuk menggunakan kesemua peralatan-peralatan ini secara percuma ketika dalam proses pengajaran dan pembelajaran, walaubagaimanapun sedikit bayaran akan dikenakan bagi pelajar-pelajar mahupun pensyarah yang membuat tempahan penggunaan bagi tujuan penyelidikan.

Berikut adalah beberapa peralatan yang terdapat di makmal-makmal.



Benchtop X-Ray Diffractometer (XRD) di Makmal Sinaran



Energy Dispersive X-Ray Fluorescence (EDXRF) di Makmal Sinaran



Simultaneous Thermal Analysis (TGA/DSC) di Makmal Penyelidikan Alam Sekitar



Fourier-Transform Infrared Spectroscopy (FTIR) di Makmal Penyelidikan Alam Sekitar



Universal testing machine (UTM) di Bengkel Penyediaan Sampel (Bengkel Kayu)



Molding Test Press Machine di Bengkel Teknologi Bahan

Aktiviti Penyelidikan di Makmal

Di FBKT, makmal-makmal sememangnya digunakan secara optimum bukan sahaja untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran tetapi juga untuk tujuan penyelidikan. Berikut adalah antara contoh aktiviti penyelidikan yang berjalan di makmal-makmal FBKT sepanjang tahun 2018.

a) Makmal Penyelidikan Alam Sekitar (Makmal Gunasama)

Dengan menggunakan peralatan di makmal ini, penyelidikan berkaitan dengan nanozarah perak grafen (sila rujuk rajah) telah dapat dijalankan oleh pensyarah dan pelajar-pelajar. Hasil daptaran daripada kajian ini telah berjaya diterbitkan satu artikel dan disiarkan di dalam jurnal berwasiit yang berimpak tinggi.

Manakala, kajian berkaitan "Biodegradable Water-Based Degreaser" yang dijalankan oleh pensyarah-pensyarah melalui kerjasama PPRN dengan menjadikan makmal ini sebagai pusat kajian telah dapat membantu syarikat Euro-circuit Technology Sdn. Bhd di dalam menyelesaikan permasalahan dengan produk hasilan syarikat mereka.



Ujian penyediaan sampel grafen oksida nanozarah perak
di Makmal Penyelidikan Alam Sekitar



Ujian yang dijalankan di Makmal Penyelidikan Alam Sekitar dan pembentangan hasil ujian kepada pihak syarikat

b) Makmal Sains Bahan

Kajian berkaitan karbon teraktif bagi tujuan penyahwarnaan pewarna telah di jalankan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar dengan menggunakan peralatan yang tersedia di makmal ini.



Ujikaji karbon teraktif di Makmal Sains Bahan

c) Bengkel Teknologi Bahan

Kajian berkaitan dengan permasalahan dengan produk jubin asli singgora daripada Syarikat Nadik Resources di bawah kerjasama PPRN telah dijalankan di Bengkel Teknologi Bahan ini. Projek inovasi yang mengautomasikan proses pengeluaran berbanding dengan pengeluaran secara manual sebelum ini telah berjaya meningkatkan pengeluaran oleh syarikat berkenaan. Hasil inovasi daripada kajian ini telah dipertandingkan dipertandingan inovasi, ITEX 2018 dan telah memenangi anugerah emas.




Jubin singgora yang dihasilkan



CARTA ALIR BAGI TEMPAHAN UNTUK PENGGUNAAN MAKMAL DAN ASET DI FBKT

Carta Alir Ringkas Penggunaan Makmal Fakulti Biokejuruteraan Dan Teknologi (FBKT)



PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.



LAPORAN TAHUNAN
FAKULTI BIOKEJURUTERAAN & TEKNOLOGI

Copyright © Fakulti Biokejuruteraan Dan Teknologi, 2018

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Fakulti Biokejuruteraan Dan Teknologi, Universiti Malaysia Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia

Judul : Laporan Tahunan Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi 2018

Editor :

Prof. Madya Dr. Noor Azlina Binti Ibrahim
Prof. Madya Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed
Dr. Mahani Binti Yusoff
Dr. Nurul Akmar Binti Che Zaudin
Dr. Teo Pao Ter
Dr. Arlina Binti Ali
Dr. Mohamad Bashree Bin Abu Bakar
Dr. Noor Fazliani Shoparwe
Dr. Sitti Fatimah Binti Mhd Ramle
Dr. Mardawani Binti Mohamad
Dr. Mohd Najmi Bin Masri
Dr. Nik Nurul Anis Binti Nik Yusoff
Dr. Rosmawani Binti Mohammad
Dr. Nur Nabilah Binti Shahidan
Dr. Sharizal Bin Ahmad Sobri
Dr. Siti Roshayu Binti Hassan
Dr. Boon Jia Geng
Dr. Wong Yee Ching
Dr. Abdul Hafidz Bin Yusoff
Dr. Muhammad Azwadi Bin Sulaiman
Dr. Zubaidah Aimi Binti Abdul Hamid
Dr. Mohd Hazim Bin Mohamad Amini
Dr. Nadiah Binti Ameram
Dr. Nor Hakimin Bin Abdullah
Dr. Azfi Zaidi Bin Mohammad Sofi @ Aziz
Pn. Nor Izaida Binti Ibrahim
Pn. Syamsuriana Binti Sidek
Dr. Hasyiya Karimah Binti Adli
En. Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong
Dr. Sarizam Bin Mamat
Dr. An'Amr Bin Mohamed Noor
Dr. Wee Seng Kew
Dr. Norfadhilah Binti Ibrahim
Pn. Mar'ieyah Binti Muhammad
Pn. Nuramylia Binti Mohd Noor
Pn. Marina Binti Rohim
Pn. Nor Zakiah Binti Zakaria

Nombor ISSN:

Diterbitkan oleh:

Fakulti Biokejuruteraan Dan Teknologi,
Universiti Malaysia Kelantan,
Kampus Jeli, Beg Berkunci No. 100,
17600 Jeli, Kelantan.

Dicetak oleh:

MR. HARDBOUND SERVICES
Taman Sri Serdang,
43300 Seri Kembangan,
Selangor, Malaysia.

2018 FBKT

Bar code ISSN

